

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 18 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 18

Putrajaya

Persediaan sukarelawan anjur WUF9

Kira-kira 400 sukarelawan terdiri daripada belia mengikuti program latihan kesukarelawan sebagai persediaan bagi menganjurkan Forum Bandar Se-dunia Kesembilan (WUF9) yang menyaksikan Malaysia sebagai tuan rumah bermula 7 hingga 13 Februari tahun depan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar berkata, program sehari secara intensif itu bagi memberi pendedahan kepada sukarelawan

daripada pelbagai lapisan masyarakat berkaitan penganjuran acara berprestij.

“Kementerian ini menjadi tumpuan bagi penganjuran WUF9 yang julung kali di Malaysia tahun depan. Kami harap semua sukarelawan mempunyai semangat juang dan kerja berpasukan yang tinggi dalam menjayakan forum ini.

“Ia diadakan kali kedua di benua Asia selepas penganjurannya di Nanjing, China pada 2008,” katanya dalam kenyataan, semalam.